

SIMBOL DAN PEMAKNAAN RITUAL ADAT TEPUNG TAWAR DALAM PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU SARAWAK *SYMBOLS AND MEANINGS INDIGENOUS RITUAL TEPUNG TAWAR WEDDING SARAWAK MALAYS*

Sarra Jastika Bohari & Mohamad Maulana Magiman,
Jabatan Sains Sosial,
Universiti Putra Malaysia Kampus Bintulu Sarawak
Corresponding author Email: mdmaulana@upm.edu.my
Tarikh dihantar: 10 Januari 2020 / Tarikh diterima: 1 Mac 2020

Abstrak: Pengamalan ritual adat tepung tawar dalam masyarakat Melayu Sarawak khususnya perkahwinan masih menjadi kebiasaan. Adat ini dipercayai secara turun temurun mampu memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada individu yang direnjis. Pada dasarnya, adat tepung tawar dilihat sebagai upacara menabur beras kuning, bertih jagung, bunga rampai dan merenjis air wangi kepada orang yang diraikan (pengantin). Oleh itu, penelitian penyelidikan ini adalah untuk menganalisis makna simbol yang terkandung dalam pelaksanaan ritual adat tepung tawar yang dilaksanakan di sekitar daerah Petra Jaya, Sarawak. Kajian menggunakan pendekatan etnografi dengan pengkaji turut serta dalam adat yang dilaksanakan. Data diperoleh melalui temu bual etnografi bersama informan utama iaitu mak andam, pengamal adat dan orang agama (iman dan kadi). Dengan itu, analisis data menjelaskan bahawa simbol yang digunakan dalam adat tepung tawar yang telah diterjemahkan menerusi aspek bahan yang digunakan dalam pelaksanaannya yang mana secara simboliknya membawa makna kekayaan (rezeki), kesucian, kecantikan, kesuburan, akhlak dan kebahagiaan.

Kata kunci: ritual, adat, tepung tawar, Melayu, Sarawak

Abstract: Practicing rituals fresh flour in Sarawak Malay community, especially the marriage is still the norm. This custom is believed for generations to be able to provide well-being and happiness to the sprinkled individual. Basically, the custom of tepung tawar is seen as a ceremony of sowing yellow rice, bertih corn, potpourri and sprinkling fragrant water to the celebrated person (bride). Therefore, the research of this research is to analyze the meaning of the symbols contained in the implementation of customary rituals of tepung tawar performed around the Petra Jaya district, Sarawak. The study uses an ethnographic approach with the researcher participating in the custom implemented. Data were obtained through ethnographic interviews with key informants, namely mak andam, customary practitioners and religious people (iman and kadi). Thus, data analysis explains that the symbols used in the custom of tepung tawar have been translated through the material aspects used in its implementation which symbolically carries the meaning of wealth (sustenance), purity, beauty, fertility, morals and happiness.

Keywords: ritual, custom, plain flour, Malaya, Sarawak

PENGENALAN

Sarawak merupakan salah sebuah negeri dalam Malaysia yang mempunyai penduduk yang terdiri daripada pelbagai kumpulan etnik. Berdasarkan statistik majoriti etnik terdiri daripada Iban, Melanau, Melayu, Cina dan Bidayuh. Sementara itu, kumpulan etnik yang lebih kecil terdiri daripada Kayan, Kenyah, Murut, Kelabit, Kedayan, Bisaya, Penan, Berawan dan lain-lain lagi. Kesemua etnik ini mempunyai adat dan budaya tersendiri yang telah diperturunkan daripada generasi kepada generasi yang lain selepasnya yakni termasuklah dalam hal berkaitan dengan adat perkahwinan. Kebiasaannya dalam setiap adat dan budaya yang dipraktikkan itu

dikaitkan dengan pelbagai bentuk ritual yang menjurus kepada nilai kesejahteraan. Menurut Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim (2012), ritual merupakan alat transformasi dalam sesebuah masyarakat, di mana dalam kalangan setiap persembahan ritual itu akan mengandungi unsur-unsur simbolik. Perkara tersebut dilakukan adalah atas dasar kelopongan yang masih ditinggalkan di dalam setiap adat dan budaya tersebut. Dalam konteks perkahwinan, ia juga mengandungi unsur-unsur tersebut yang biasanya akan diselitkan dengan unsur agama kerana perkahwinan merupakan satu perkara yang penting dalam kehidupan manusia. Hal ini kerana setiap makhluk yang dicipta oleh Allah s.w.t adalah secara berpasangan antara lelaki dan perempuan atau jantan dan betina serta neutron bersifat positif dan negatif seperti yang diterangkan dalam ayat di bawah.

“Dan tiap-tiap jenis kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingat kekuasaan kami dan mentauhidkan kami.” (Surah Adz-Dzariyat: Ayat 49).

Oleh sebab fitrah manusia yang diciptakan secara berpasangan, maka wujud ritual dan adat yang dilaksanakan bagi meraikan pasangan (pengantin). Ritual ditafsirkan secara meluas sekali pengertiannya dalam bidang-bidang kajian antropologi sosial dan budaya mengikut pendekatan serta kaedah yang tertentu. Perkataan ritual secara mudah dapat merujuk kepada tingkah laku atau kegiatan-kegiatan yang dilaksanakan untuk tujuan simbolik atau memancarkan imej tradisi. Menurut Boudewijnse (1998, p. 278) dalam Norhuda (2017, p. 4) perkataan ‘ritual’ (dalam bahasa Inggeris) berasal dari Latin, iaitu *ritualis* yang membawa maksud sebagai apa-apa yang berkait dengan upacara (atau *rite* dari *ritus*). Fungsi ritual yang membantu untuk menjelaskan sesuatu sifat menerusi tingkah laku agama yang mana mempunyai kegunaan untuk membantu masyarakat memahami konteks sistem kepercayaan dan agama khususnya masyarakat primitif. Hal ini adalah berbeza dengan adat kerana adat adalah dirujuk sebagai suatu kebiasaan dari perbuatan yang telah menjadi kebiasaan serta diterima oleh masyarakat sebagai suatu peraturan hidup yang perlu dipatuhi seperti adat perkahwinan. Tambahan itu, bagi Omar (2014) sesebuah kepercayaan, pantang larang dan adat istiadat Melayu sebenarnya dipengaruhi oleh pelbagai unsur kepercayaan animisme, Buddha, Hindu, Islam dan perkara berkaitan dengan asimilasi tempatan dan juga Barat. Perkara-perkara yang murni hasil daripada penerimaan masyarakatnya kemudiannya dijadikan sebagai identiti adat dalam kebudayaan masyarakat Melayu pada hari ini. Menurut Mohamad Maulana Magiman dan Norhuda Salleh (2017), identiti yang diterjemahkan melalui nilai adat atau budaya itu sebenarnya adalah untuk menunjukkan nilai keberadaan mereka dalam sesuatu kelompok yang telah mendominasi kelompok besar dalam sesebuah komuniti.


ADAT TEPUNG TAWAR

Adat tepung tawar merupakan sebahagian daripada adat istiadat masyarakat Melayu yang masih dipraktikkan amalannya hingga kini. Abbas Mohd. Shariff (2001, p. 113) mendefinisikan adat istiadat sebagai adat yang dilakukan dalam upacara atau majlis-majlis tertentu. Lazimnya, adat tepung tawar ini dilakukan dalam majlis-majlis seperti persandingan, cukur rambut (untuk bayi yang baru dilahirkan), perempuan hamil dan masuk rumah baru sebagai tanda kesyukuran dan meraikan kegembiraan. Pernyataan ini dilihat seiring dengan Faridah (2016, p. 2). Oleh sebab upacara ini dianggap mampu memberi kesejahteraan dan kebahagiaan kepada orang yang ditepung tawar, ia dianggap sebagai satu upacara ritual.



Foto 1: Gambaran pelaksanaan adat tepung tawar sewaktu kajian lapangan

Setiap pelaksanaan ritual itu sebenarnya mempunyai makna simbolik yang tersendiri. Menurut Mohamad Maulana Magiman, *et al* (2020) menjelaskan bahawa ritual merupakan persembahan simbolik yang mempunyai makna yang tersirat. Makna yang tersirat itu sebenarnya adalah untuk pernyataan tentang nilai yang hendak dijelaskan melalui setiap makna bahan yang dipersembahkan. Dalam konteks adat tepung tawar ini banyak perlakuan menjurus untuk memohon kesejahteraan kepada pasangan pengantin. Ritual adat tepung tawar yang dilakukan itu melalui upacara menabur beras kuning, bertih jagung, bunga rampai dan merenjis air wangi kepada orang yang diraikan mempunyai maksud yang tersirat yang difahami oleh masyarakat pengamalnya. Selain itu, pengisian upacara tepung tawar itu sendiri daripada segi bahan, peralatan dan amalannya mempunyai unsur-unsur dinamika yang mempunyai kepelbagaian dan variasi daripada segi makna simbol (bahan) yang digunakan mengikut masyarakat setempat (masyarakat pengamal). Walaupun begitu, bagi sesetengah kawasan adat ini disertakan dengan bacaan mentera atau jampi serapah yang berperanan sebagai doa. Maka ini memperlihatkan keterkaitan penggunaan unsur-unsur animisme yang masih wujud dalam adat dan budaya lama masyarakat Melayu. Bagi mereka (masyarakat pegamal) selagi sesuatu adat dan budaya itu tidak bercanggah dengan ajaran agama, maka ia seharusnya dikekalkan kerana melambangkan keintelektualan dan daya pemikiran serta falsafah masyarakat Melayu pada sesuatu zaman.



Rajah 1: Tatacara Pelaksanaan Ritual Adat Tepung Tawar Pengantin. Sumber: Kajian Lapangan (2018)

ALATAN(BAHAN) YANG DIGUNAKAN DALAM PELAKSANAAN RITUAL ADAT TEPUNG TAWAR

Peringkat penyediaan, terdapat beberapa jenis bahan atau alat diperlukan semasa peringkat pelaksanaan adat dan ia perlu disediakan dengan sempurna bagi memastikan adat tepung tawar dapat dilaksanakan dengan lancar. Berbalik kepada masyarakat Melayu Sarawak khususnya dikawasan kajian antara bahan yang diperlukan semasa pelaksanaan adat tepung tawar pengantin ialah seperti berikut:

- i. Bekas tembaga
- ii. Kikir kulit ikan pari
- iii. Daun menjuang
- iv. Ketupat lepas daun pandan
- v. Hirisan daun pandan
- vi. Bunga rampai
- vii. Beras kuning
- viii. Bancuan tepung beras
- ix. Cincin emas keturunan
- x. Air mawar

SOROTAN LITERATUR

Kedudukan negeri Sarawak yang berada di dalam Kepulauan Borneo dan begitu hampir dengan Kalimantan masih menyimpan pelbagai khazanah tinggalan amalan nenek moyang dan agama. Melalui akulturasi Islam dengan budaya tradisi tempatan dapat dilihat dengan jelas keterkaitannya, terutama melibatkan budaya tradisional tempatan yang dipadukan dengan agama Islam khususnya di Nusantara seperti ideologi tradisi tepung tawar.

Menurut Mohamad Maulana Magiman, *et al* (2020), budaya sesebuah masyarakat itu merupakan warisan tradisi yang diperoleh melalui pengalaman dan peninggalan generasi dahulu yang kemudiannya dipraktikkan dalam kehidupan masyarakat pendukungnya. Selain itu, Marzuki Abu Bakar (2011) menjelaskan budaya yang dipertahankan itu pula mengandungi nilai-nilai agama yang sangat filosofis sehingga dianggap sangat saklar dan mesti dilakukan pada kegiatan-kegiatan yang diyakini. Bukan itu sahaja, juga beranggapan bahawa amalan ini merupakan amalan agama yang tidak boleh ditinggalkan dan sekiranya ditinggalkan akan ditimpa musibah atau tidak ada keberkatan dalam menjalankan kegiatannya. Justeru, tradisi adat tepung tawar ini selalunya akan diiringi dengan doa. Berikut merupakan salah satu doa yang dibaca semasa menepung tawar pengantin.

اللهم ألف بينهما كما ألفت بين آدم وحواء وألف كما ألفت بين سليمان وبلقيس وألف بينهما كما ألفت

إبراهيم وسارة وألف بينهما كما ألفت بين يوسف وزليخا وألف بينهما كما ألفت بين محمد صلى الله عليه

وسلم وعائشة الكبرى آمين يا مجيب السائلين.

Maksudnya: "Ya Allah rukunkanlah keduanya sebagaimana telah Engkau rukunkan Nabi Adam dan Siti Hawa, dan rukunkanlah seperti telah Engkau rukunkan Sulaiman dan Ratu Balqis, dan rukunkanlah di antara keduanya seperti Engkau rukunkan Nabi Ibrahim dan Siti Sarah, dan rukunkanlah keduanya seperti telah engkau rukunkan antara Nabi Yusuf dan Zulaikha dan rukunkanlah keduanya seperti telah Engkau rukunkan Rasulullah S.A.W dan isterinya Aisyah al-Kubra a.s., amin ya Mujibassailin." (Marzuki Abu Bakar, 2011)

Tambahan itu, bagi (Abdul Munir Ismail, 2013) tujuan pengamalan ritual adat tepung tawar dilakukan adalah untuk menambahkan semangat dan menghalau roh jahat daripada mengganggu pengantin semasa majlis walimatulurus berlangsung. Bukan itu sahaja, beliau turut menyatakan bahawa istiadat ini merupakan adat resam yang diwarisi dan diperturunkan oleh nenek moyang yang kemudiannya diamalkan dan diteruskan oleh generasi seterusnya. Oleh sebab itu, adat ini dianggap sebagai ibu kepada segala adat dalam sesebuah perkahwinan kerana ia mempunyai sifat kelangsungan iaitu kebiasaannya menjadi kewajipan dalam pelaksanaan majlis perkahwinan masyarakat Melayu.

Faridah Sahari (2009), pula mengkaji adat tepung tawar bagi masyarakat Melayu di Saratok, Sarawak. Berdasarkan kajiannya (Faridah Sahari, 2009) mendapati adat tepung tawar ini lazimnya dilakukan dalam majlis persandingan dan merupakan salah satu adat orang Melayu lama yang semakin dilupakan kerana dilihat ia bersifat amalan ritual yang bercanggah dengan agama Islam. Namun, bagi segelintir masyarakat Melayu Saratok berpendapat bahawa amalan itu seharusnya dipertahankan kerana dalam adat tepung tawar itu sebenarnya mempunyai pelbagai bentuk restu dan doa. Perbuatan mencalitkan perenjis semasa adat tepung tawar ini dijalankan adalah sesuatu yang diinginkan oleh pasangan pengantin kerana mereka yang melakukannya akan membuat hajat dan memberi restu kepada pasangan pengantin yang diraikan.

Menurut Tenas Effendy (2013) dalam penulisan Muhammad Takari & Fadlin (2014, p.191-192), adat tepung tepung tawar yang dijalankan semasa majlis perkahwinan masyarakat Melayu Riau pada hakikatnya adalah merupakan doa untuk keselamatan dan kesejahteraan pemberi dan penerima. Disamping itu adat ini merupakan cerminan kesucian hati pihak penepung tepung tawar dalam menerima dan melepaskan pengantin yang ditepung tawar dari 'Bumi Lancang Kuning' (Riau) itu sendiri. Dalam perkahwinan masyarakat ini, terdapat banyak bahan yang digunakan dalam menjalankan adat tersebut. Tambah Tenas Effendy lagi, berbagai bahan (alat kelengkapan) yang dibuat dan digunakan dalam melakukan adat ini memiliki makna-makna tersendiri seperti berikut;

Bil.	Bahan	Makna
1.	Daun setawar	<ul style="list-style-type: none"> Melambangkan alat penawar yang berbisa atau beracun, dan disebut juga membuang segala yang sial, menolak segala yang merosak, penawar segala perbuatan buruk manusia, jin dan syaitan.
2.	Daun sedingin	<ul style="list-style-type: none"> Melambangkan kesabaran, ketenangan, kedamaian, kenyamanan, dan ketenteraman dalam kehidupan. Disebut juga sebagai penyejuk hati atau pelapang dada atau dikatakan "supaya yang panas menjadi dingin", "supaya yang marah tidak menyalah."
3.	Daun ati-ati	<ul style="list-style-type: none"> Melambangkan sikap berhati-hati, waspada, cermat, yang juga lazim disebut supaya bercakap dengan beradab, berbual dengan akal, berbicara berkira-kira, bergaul secara betul, duduk pada yang elok, tegak pada yang layak, mencontoh pada yang senonoh, meneladan pada yang sepadan, meniru pada yang sejuta, memakai pada yang sesuai, supaya nasihat membawa manfaat, supaya tuah membawa faedah.
4.	Daun ganda rusa	<ul style="list-style-type: none"> Melambangkan ubat dari segala penyakit dari luar, yang lazim disebut penolak bala, sihir, fitnah, hasad dengki, dan lainnya serta sebagai lambang menegakkan tuah dan marwah.
5.	Bedak limau	<ul style="list-style-type: none"> Melambangkan ketulusan dan kebersihan hati dalam kehidupan peribadi, berumah tangga, bermasyarakat,

		berbangsa dan bernegara. Juga dikatakan membuang segala kotoran dunia. Membersihkan yang zahir, mensucikan hati, membersihkan yang nampak, mensucikan yang tidak nampak.
6.	Daun percutung	<ul style="list-style-type: none"> • Wangian yang melambangkan menjaga nama baik atau keharuman nama peribadi, keluarga, masyarakat, bangsa dan negara, pengaruh tuah dan marwah, pewangi harkat dan martabat.
7.	Beras kunyit	<ul style="list-style-type: none"> • Melambangkan kemurahan rezeki dan melimpahnya rahmat Allah, cerminan kesuburan, rezeki tidak putus dan rahmat tidak habis.
8.	Beras basuh	<ul style="list-style-type: none"> • Melambangkan kesucian diri zahir dan batin, kesucian harta, usaha, pekerjaan, membasuh yang kotor, mensucikan yang baru, agar rezeki menjadi halal dan bertugas secara ikhlas.
9.	Bertih	<ul style="list-style-type: none"> • Melambangkan sikap timbang rasa, bertolak ansur, “senasib sepenanggungan, senasib semalu”, yakni perpaduan hidup dan “diredang sama pecah, dibakar sama hangus.”
10.	Bunga rampai	<ul style="list-style-type: none"> • Melambangkan kepelbagaian hidup yang penuh kasih sayang dengan nama baik, harum, dan semerbak.

Sumber: Kearifan Pemikir Melayu(2013)

Bagi Hamidah Abdul Wahab (2013) dalam masyarakat Melayu tradisional Sarawak, sudah menjadi kelaziman pasangan pengantin akan bertandang ke rumah keluarga terdekat mereka khususnya selepas majlis perkahwinan dilangsungkan. Bagi pengantin yang baru pertama kali bertandang, mereka perlu diberikan tepung tawar atau dipanggil ‘pupur’ (bedak biasa) dan minyak wangi. Untuk tujuan ini, tuan rumah dalam kalangan keluarga terdekat akan merenjis tepung tawar sambil berdoa agar pengantin diberikan kebahagiaan hingga ke akhir hayat. Sekiranya amalan ini tidak dilaksanakan, keadaan tersebut dikatakan akan ‘tunggal haus’, yakni menyebabkan sesuatu tidak baik akan berlaku kepada tuan rumah atau pengantin itu sendiri.

Berbeza dengan masyarakat Peranakan Jawi di Pulau Pinang, adat tepung tawar ini dijalankan semasa majlis ‘berinai besar’ atau ‘berinai di pelamin’ dan juga bersanding. Semasa majlis persandingan diadakan, keluarga pengantin perempuan yang akan terlebih dahulu dijemput untuk melakukan upacara merenjis dan tepung tawar ini dengan dimulakan oleh bapa atau saudara mara lelaki yang lebih tua dan diikuti dengan saudara mara perempuan yang lebih tua juga. Selepas keluarga pengantin perempuan selesai melakukan upacara ini, barulah keluarga pengantin lelaki yang akan dijemput untuk melakukan upacara yang sama. Jumlah mereka yang dijemput untuk melakukan upacara ini adalah dalam jumlah angka ganjil. Walau bagaimanapun, kajian oleh Omar Yusoff (2013) ini tidak menyatakan makna atau tujuan secara jelas ritual adat tepung tawar ini dijalankan semasa majlis persandingan masyarakat Peranakan Jawi tersebut. Namun begitu, berbeza dengan upacara adat tepung tawar yang dijalankan semasa majlis ‘berinai besar’ kerana ia mempunyai makna tersendiri dan dilakukan bagi menandakan bahawa pasangan pengantin adalah masih suci disebabkan kehormatan mereka sentiasa dipelihara (Omar Yusoff *et al.* 2013, p. 152). Selain itu, mengikut adat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan, upacara ini dilakukan dengan tujuan untuk menaikkan seri wajah pengantin perempuan agar rupa paras mereka akan kelihatan lebih cantik dan berseri sehinggalah kedua-dua pasangan pengantin disatukan.

Hasil kajian oleh Amran Kasimin (1989, p. 36-37) turut menunjukkan dapatan yang sama sebagaimana kajian oleh Omar Yusoff *et al.* (2013) apabila adat tepung tawar turut dilakukan serentak bersama dengan adat ‘berinai besar’ dalam perkahwinan masyarakat

Melayu. Ini kerana di sesetengah kawasan adat berinai ini akan disertai dengan upacara menepung tawar bergantung kepada kawasan perlaksanaannya. Sebuah dulang tembaga yang berisi pelbagai bahan bagi kegunaan adat tepung tawar dan 'berinai besar' akan diletakkan berhampiran dengan pelamin. Antara bahan yang terdapat dalam dulang tersebut ialah mangkuk-mangkuk kecil berisi bertih, beras kunyit, beberapa tangkai daun seribu yang diikat dan semangkuk air tepung tawar.

Sementara itu, sebuah mangkuk lain yang biasanya diletak di tengah-tengah dulang diisi dengan inai yang telah siap digaul bersama air turut diletakkan di dalam dulang tersebut. Sebelum mula menginai, orang yang berkenaan akan menundukkan kepalanya sedikit sebagai tanda hormat kepada pengantin. Setelah itu barulah orang yang mahu menginai tampil ke hadapan mengambil sedikit beras kunyit dan bertih serta menaburkannya di hadapan pengantin. Daun seribu yang tersedia dicelup sedikit dalam mangkuk tepung tawar dan dicecahkan sedikit hujungnya kepada kedua-dua tapak tangan pasangan pengantin. Kemudiannya secubit inai diambil dan diletakkan di tapak tangan kanan dan kiri pasangan pengantin. Setelah selesai menjalankan upacara ini, orang yang berkenaan akan menundukkan kepalanya sedikit seperti ia mula datang sebagai tanda hormat dan memohon diri untuk pergi. Perlakuan yang sama juga akan diikuti oleh orang berikutnya yang mahu melakukan upacara menginai pasangan pengantin. Sebelum itu, pasangan pengantin terlebih dahulu akan menangkupkan kedua-dua tapak tangan di dada seakan-akan mengangkat sembah sebagai tanda terima kasih kepada orang yang melakukan upacara ini.

Kajian yang hampir sama juga telah dilakukan oleh Abdul Munir Ismail dan Mohd Noor Daud (2013) turut berkaitan dengan adat perkahwinan masyarakat Jawi Peranakan India Islam di Pulau Pinang. Walau bagaimanapun, kajian ini melihat perkahwinan masyarakat ini daripada perspektif Islam termasuklah dalam adat tepung tawar yang dijalankan oleh mereka. Sama seperti yang dinyatakan oleh Omar Yusoff *et al.* (2013) seperti di atas, upacara menepung tawar ini akan disempurnakan oleh kedua-dua belah pihak keluarga pengantin. Menurut mereka lagi, upacara tepung tawar ini lengkap apabila adat bersuap-suapan dengan sedikit nasi kunyit diletakkan pada jari pengantin perempuan dan disuapkan ke mulut pengantin lelaki dan dilakukan juga kepada pengantin perempuan. Namun bagi Abdul Munir dan Mohd Noor Daud (2013, p. 129), perbuatan menepung tawar iaitu menabur beras kunyit semasa persandingan merupakan amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam. Ini kerana menurut Omar (2012) dalam Abdul Munir dan Mohd Noor Daud (2013, p. 129), tujuan adat ini dilakukan adalah untuk menambahkan semangat dan menghalau roh-roh jahat daripada mengganggu pengantin semasa walimatul urus berlangsung. Perbuatan ini dijelaskan dalam Al-Quran seperti firman Allah;

Maksudnya: *Engkaulah sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan.* (Al-Quran, 1:5)

Merujuk kepada Norhuda Salleh (2018, p. 21) simbol adalah antara medium yang digunakan dalam perlakuan komunikasi bukan lisan. Simbol berperanan dalam menyampaikan makna menerusi interaksi antara penyampai dan penerima pesan. Tambahnya lagi latar belakang sosial, pengalaman dan budaya adalah antara faktor penting bagi memastikan maklumat yang disalurkan dapat difahami antara kedua-dua pihak. Kajian yang dijalankan olehnya di Kampung Seri Kedah, Sekinchan (Selangor) khususnya pada majlis perkahwinan masyarakat Melayu di sana menunjukkan air mawar merupakan antara bahan utama yang digunakan dalam upacara merenjis atau juga dikenali sebagai adat tepung tawar. Simbolik terhadap penggunaan air mawar mempunyai pemaknaan yang sungguh penting dalam keseluruhan upacara yang dilakukan. Air mawar yang digunakan ini terdiri daripada air yang

dicampurkan dengan titisan minyak wangi dan sedikit tepung beras serta diletakkan dalam bekas tembaga yang mempunyai bahagian muncung yang halus dan panjang.

Semasa majlis persandingan, air mawar membawa simbol berkenaan keharuman budi pekerti dan kesucian niat pasangan pengantin dalam menuju penyatuan melalui perkahwinan yang dilangsungkan. Keharuman air mawar yang dipercikkan ke tubuh kedua-dua mempelai sewaktu upacara menepung tawar ini diharapkan memberikan kebahagiaan dan keharmonian dalam hidup berumah tangga yang bakal ditempuhi oleh pasangan. Selain daripada air mawar, beras kunyit dan bunga rampai merupakan antara bahan yang digunakan dalam menjalankan ritual adat tepung tawar atau merenjis di kampung ini dengan masing-masing membawa makna simbol tersendiri. Beras kunyit dalam adat persandingan masyarakat Melayu membawa simbol kekayaan kerana ia diwakili dengan warna kuning atau warna emas manakala bunga rampai membawa simbol keharmonian dan kemakmuran kepada pasangan pengantin dalam menjalani kehidupan sebagai suami dan isteri (Norhuda Salleh, 2018: p. 24-25).

Joel M. Charron (1979) dalam Dadi Ahmadi (2005) berpendapat pentingnya pemahaman terhadap simbol ketika seseorang peneliti menggunakan Interaksi Simbolik. Ini kerana simbol merupakan objek sosial dalam interaksi yang digunakan sebagai perwakilan dan komunikasi yang ditentukan oleh individu yang menggunakannya. Menurut Rohana Yusuf (2006, p. 26) pula, melihat simbol ini sebagai suatu yang penting dalam proses komunikasi dan interaksi antara individu. Dalam interaksi manusia antara manusia, mereka menggunakan simbol-simbol seperti bahasa, alatan atau benda yang tertentu. Simbol ialah suatu alat yang telah diberikan makna. Beliau menyatakan bahawa manusia telah meletakkan makna sosial kepada simbol dan kemudian bertindak balas terhadap makna yang telah diberikan. Amalan ritual adat tepung tawar dalam perkahwinan masyarakat Melayu Sarawak mempunyai makna dan nilai tersendiri yang telah dikongsi secara kolektif bagi mengekalkan kelangsungan adat tersebut.

TEORI INTERAKSI SIMBOLIK

Interaksi Simbolik (*Symbolic Interactionism*) mempunyai kesesuaian untuk dijadikan panduan dalam penelitian pengkaji bagi melihat unsur makna bagi simbolik pelaksanaan ritual adat ini. Henslin (2005) menyatakan interaksi simbolik merupakan satu pendekatan yang menjelaskan masyarakat terbentuk daripada simbol-simbol yang mempunyai makna dan norma tertentu. Simbol-simbol tersebut pula akan mempengaruhi persepsi mereka terhadap dunia serta cara mereka berkomunikasi dengan yang lain.

Rohana Yusof (2006:p.26), menjelaskan teori ini menekankan kepada suatu proses yang memfokuskan kepada individu dan persoalan yang ditimbulkan merupakan perkaitannya dengan pengertian. Inti pati ini dipegang oleh beberapa orang individu dalam sesuatu kelompok kecil. Tambahnya lagi, teori ini melihat bagaimana seseorang individu memberi gerak balas terhadap tafsiran kehidupan sosial mereka. Oleh itu, teori ini mempunyai kesesuaian dalam melihat makna simbol dalam ritual adat tepung tawar perkahwinan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak di kawasan kajian.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mencapai objektif:

1. Menganalisis makna simbol dalam pelaksanaan ritual adat tepung tawar perkahwinan masyarakat Melayu Sarawak di kawasan Petra Jaya, Kuching.


METODOLOGI

Perbincangan ini diasaskan kepada kajian yang dilakukan di Kampung Semariang, Bandar Baru Samariang, Kampung Samariang Batu, Kampung Sungai Midin, Kampung Semerah Padi, Kampung Gersit, Kampung Boyan, Kampung Pulo dan Kampung Panglima Seman.

Kedudukan kesemua kawasan kajian ini adalah terletak berhampiran daerah Petra Jaya. Faktor pemilihan lokasi ini adalah disebabkan oleh kedudukannya yang strategik kerana ia mudah dihubungi dan majoriti penduduknya adalah masyarakat Melayu Sarawak.

Pengumpulan data menggunakan pendekatan etnografi dengan pengkaji turut serta dalam adat yang dilaksanakan telah dilaksanakan. Data diperolehi melalui temu bual yang dilakukan secara perseorangan atau melibatkan ramai individu serta secara mendalam bersama informan utama (veteran) yang terdiri daripada pengamal budaya, mak andam dan penghulu.

Bagi membantu untuk mengumpulkan data dengan lebih tepat dan lengkap bantuan alat perakam digunakan dan proses mencatat maklumat turut dilaksanakan dari semasa ke semasa iaitu merangkumi proses yang terlibat dalam adat tepung tawar, bahan yang digunakan adat tepung tawar, makna kepada simbol perlakuan yang terdapat dalam adat tepung tawar serta individu yang terlibat dalam menjalankannya.



Peta 1: Lokasi kajian (Kampung Semariang, Bandar Baru Samariang, Kampung Samariang Batu, Kampung Sungai Midin, Kampung Semerah Padi, Kampung Gersit, Kampung Boyan, Kampung Pulo dan Kampung Panglima Seman)

DAPATAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang selari dengan objektif kajian yang disasarkan iaitu menganalisis makna simbol dalam pelaksanaan ritual adat tepung tawar perkahwinan masyarakat Melayu Sarawak di kawasan Petra Jaya, Kuching.

Bekas Tembaga

Penggunaan bekas tembaga (lihat Foto 2) dalam adat tepung tawar pengantin memberi makna sebagai simbol kemewahan. Dalam era tradisional, penggunaan bekas tembaga hanya digunakan oleh kerabat diraja kerana ianya sukar untuk diperolehi dan harganya mahal.



Foto 2 : Bekas Tembaga
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

Dapatan kajian menunjukkan bahawa di dalam bekas tembaga, beberapa objek perlu disediakan dan diletakkan di dalam bekas tembaga bagi membolehkan ritual adat tepung tawar pengantin dilaksanakan dengan lebih tersusun. Setiap objek yang diletakkan ke dalam bekas tembaga memberi makna simbolnya yang tersendiri dan dianggap sebagai pelengkap kepada ritual yang dilaksanakan.

Kikir Kulit Ikan Pari dan Cincin Emas Keturunan

Penggunaan objek kulit ikan pari (lihat Foto 3) sebagai pengikir di dalam ritual adat tepung tawar pengantin merupakan simbol kepada rezeki yang mana pada asalnya sebahagian besar masyarakat Melayu Sarawak menjalankan kegiatan menangkap ikan dan bekerja sebagai nelayan dan menganggap bahawa ikan pari sebagai simbol limpahan rezeki. Selain itu, konsep simbol kesucian juga turut dilihat dalam penggunaan kulit pari yang digunakan sebagai simbol kehidupan pencarian rezeki di laut dan dianggap sebagai bahan pembuang sial dengan melakukan simbolik mengikir untuk tujuan mengikir semua kekotoran atau unsur-unsur yang tidak baik dalam diri pasangan pengantin.



Foto 3 : Kikir kulit ikan pari
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

Saiz kikir kulit ikan pari yang perlu ada semasa majlis berlangsung adalah mengikut kemampuan keluarga pengantin. Ini kerana, tiada saiz, bentuk atau berat yang dikhususkan untuk kikir ikan pari yang perlu digunakan semasa menjalankan ritual adat tepung tawar pengantin. Tambahan lagi penggunaan kikir ikan pari adalah sebagai pengikir kepada cincin emas keturunan yang hanya akan dikikir sedikit sahaja pada mana-mana bahagian cincin.

Gandingan objek yang digunakan bersama-sama dengan kikir kulit ikan pari adalah cincin emas keturunan yang mana cincin emas ini merupakan harta pusaka daripada keluarga pihak pengantin wanita. Penggunaan cincin emas keturunan pula melambangkan keturunan yang berpanjangan dari aspek zuriat yang mana ianya digunakan bersama-sama dengan kikir kulit ikan pari yang dikikis sedikit dan diletakkan di dahi pasangan pengantin bagi membuang sial pasangan pengantin daripada tidak mendapat zuriat.

Cincin emas keturunan pada kebiasaannya akan diperturunkan dan dijaga oleh anak sulung perempuan di dalam sesebuah keluarga. Namun, ianya hanya akan diwarisi apabila kesemua adik-beradik perempuan dalam sesebuah keluarga tersebut telah berkahwin. Walau bagaimanapun, terdapat juga keadaan dimana adik beradik iaitu saudara perempuan yang kedua dan seterusnya yang akan membeli cincin emas sendiri untuk dijadikan sebagai cincin keturunan untuk legasi mereka sendiri. Ini juga bertujuan untuk mengelakkan sebarang kemungkinan sekiranya cincin emas keturunan mereka hilang atau digunakan secara serentak.

Secara tidak langsung, cincin emas keturunan akan diguna pakai sebagai salah satu objek yang perlu ada bagi memberikan rasa selamat kepada keluarga dan pasangan pengantin untuk mendapatkan keberkatan di dalam majlis yang mereka adakan. Perasaan selamat ini akan lebih kuat apabila cincin emas keturunan yang digunakan dalam majlis merupakan cincin yang digunakan secara turun temurun dan bukannya yang baru dibeli dan dijadikan sebagai cincin keturunan untuk generasi yang seterusnya.

Beras Kuning

Beras kuning merupakan antara objek penting dan utama dalam pelaksanaan ritual adat tepung tawar pengantin. Penggunaan beras juga dilihat sebagai elemen kesucian kerana ianya menampakkkan kepada warna keagungan dan penghasilan bahan beras kuning memberikan simbol rezeki yang mana beras merupakan makanan rugi bagi rakyat Malaysia. Beras yang diwarnakan dengan elemen warna kuning merupakan simbolik kepada kekuatan dan berupaya untuk menyeimbangkan unsur-unsur yang ada di dalam dunia nyata dan dunia ghaib. Justeru itu, elemen warna kuning dijadikan sebagai asas kepada beras yang akan ditabur. Selain itu, menurut Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim (2012), kesucian yang digambarkan itu adalah bagi memastikan setiap peralatan yang diguna itu dijauhi dari pelbagai kotoran disebabkan perlakuan itu adalah untuk tujuan kebaikan.

Cara penyediaan beras kuning adalah dengan mencampurkan kunyit hidup bersama-sama dengan beras bagi menghasilkan warna kuning pada beras. Kuantiti kunyit hidup yang digunakan adalah bergantung kepada kuantiti beras dan juga saiz kunyit yang digunakan. Namun, pada kebiasaannya, untuk penghasilan semangkuk beras kuning, jumlah kunyit hidup yang akan digunakan adalah lebih kurang dua atau tiga ulas kunyit hidup dalam saiz yang sederhana. Tambahan lagi, kepekatan warna kuning pada beras tidaklah terlalu dititikberatkan tetapi warna kuning yang terhasil pada beras mestilah secara keseluruhannya berwarna kuning. Manakala, sisa-sisa kunyit (hampas kunyit) yang masih tertinggal semasa proses pewarnaan beras dilakukan akan dibuang bagi mengelakkan ianya terkena baju pengantin dan orang ramai sehingga menjadi kotor. Selain itu, penggunaan beras kuning turut dianggap sebagai simbol kekayaan dari aspek harta benda dan zuriat. Justeru, gandingan objek yang digunakan dalam beras kuning semasa berlangsungnya ritual adat tepung tawar pengantin adalah duit syiling.

Namun, kuantiti atau nilai duit syiling yang akan digunakan dalam ritual adat tepung tawar pengantin tidak ditentukan secara khusus tetapi pada kebiasaannya jumlah atau nilai yang diperuntukkan adalah lebih kurang dalam jumlah antara tiga hingga lima ringgit dalam bentuk nilai syiling sepuluh sen, dua puluh sen, lima puluh sen dan seringggit. Seperti mana penggunaan duit syiling dalam ritual adat tepung tawar pengantin ini, kuantiti beras untuk penyediaan beras kuning adalah mengikut budi bicara keluarga pengantin. Namun pada kebiasaannya, kuantiti tersebut dianggap dengan cukup hanya satu mangkuk sederhana sahaja kerana beranggapan bahawa ianya sudah memadai dan hanya diambil dalam kuantiti secubit sahaja bagi setiap penepung tawar. Semasa adat tepung tawar pengantin dilakukan, beras kuning bersama-sama dengan duit syiling akan ditabur diiringi dengan bacaan doa yang baik-baik daripada si penepung tawar sebagai simbolik memberikan restu dan permohonan doa kepada Allah S.W.T untuk kebahagiaan dan kesejahteraan pasangan pengantin kelak.



Foto 4 : Beras kuning
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

HIRISAN DAUN PANDAN DAN BUNGA RAMPAI

Berdasarkan kepada pemerhatian dan dapatan kajian, didapati bahawa masyarakat Melayu Sarawak menyediakan bunga rampai daripada gabungan hirisan daun pandan dan kuntuman bunga daripada pelbagai warna dan jenis. Dalam ritual adat tepung tawar pengantin, bunga

rampai memberi makna ketenangan jiwa, kesucian diri dan perasaan yang aman damai khususnya kepada pasangan pengantin. Tambahan lagi gabungan kuntuman-kuntuman bunga segar bersama hirisan daun pandan menaikkan lagi seri bunga rampai dari aspek warna dan wangiannya. Penggabungan sumber alam yang akan digunakan dalam ritual adat tepung tawar pengantin dilihat sebagai satu cara untuk menenangkan pengantin yang berada dalam keadaan yang gemuruh di atas pelamin.

Selain itu, penggunaan bunga rampai dalam ritual adat tepung tawar pengantin juga dilihat sebagai simbol kepada kemekaran dan kesuburan yang mana dengan adanya bunga rampai, ianya dianggap dapat memekarkan lagi cinta antara pasangan pengantin dan ianya kekal subur sehingga ke hari tua. Gandingan hirisan daun pandan dan bunga-bunga yang memberikan elemen alam dan kehidupan akhirnya menghasilkan keharmonian di dalam gandingannya. Jumlah daun pandan yang digunakan dalam menghasilkan hirisan daun pandan pada kebiasaannya adalah lebih kurang tujuh hingga sepuluh helai dan akan dihiris nipis bagi mencantikkan serta menyeimbangkan lagi gabungan tersebut agar tidak terlalu nampak samada hirisan daun pandan lebih banyak atau sedikit berbanding dengan bunga-bunga campurannya.




Foto 5 : Hirisan daun pandan
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)



Foto 6 : Bunga rampai
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

Bunga-bunga segar dan memiliki warna-warna yang menarik akan dipilih bagi menghasilkan bunga rampai yang lebih menarik apabila telah dicampur dan digaulkan bersama-sama dengan hirisan daun pandan. Selain memberikan elemen wangi, hirisan daun pandan juga bertindak sebagai penaik seri kepada bunga-bunga yang akan digunakan kerana warna hijau yang dimilikinya berupaya untuk mencantikkan lagi gabungan bunga rampai yang telah dihasilkan.

AIR MAWAR

Perlaksanaan ritual adat tepung tawar pengantin, penggunaan air mawar adalah sebagai penyeri dan pelengkap kepada hirisan daun pandan dan bunga rampai. Aroma yang terhasil daripada air mawar memberi simbol kedamaian, kebahagiaan dan rasa selamat selain memiliki aroma yang kuat dan berupaya menimbulkan rasa mewah kepada pasangan pengantin. Bunga mawar merupakan antara bunga yang menjadi pilihan kerana bunga mawar merupakan bunga yang melambangkan kecantikan dan penjagaan rapi seorang wanita oleh keluarganya kepada pasangannya.

Seperti mana simbolik kepada hirisan daun pandan yang dicampur bersama bunga-bunga, air mawar turut digunakan sebagai penguat aroma dan menenangkan pasangan pengantin semasa renjisan air mawar dilakukan kepada pasangan pengantin. Selain itu juga, penggunaan air mawar dalam ritual adat tepung tawar pengantin dalam masyarakat Melayu Sarawak adalah sebagai simbol keharuman budi pekerti dan kesucian niat pasangan pengantin dalam menghalalkan hubungan mereka kerana air mawar dianggap sebagai haruman dunia dan akhirat. Diharapkan bahawa dengan percikan air bunga mawar tersebut, dapat memberikan kebahagiaan dan keharmonian rumahtangga yang dibina.



Foto 7 : Air mawar
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

KETUPAT LEPAS

Ketupat lepas dibuat daripada daun pandan dan dianyam menjadi satu simpulan yang ringkas dan akan digunakan di dalam ritual adat tepung tawar pengantin semasa si penepung tawar melalukan proses melepaskan ketupat lepas ini di atas kepada pasangan pengantin. Penggunaan ketupat lepas dalam ritual adat tepung tawar pengantin adalah sebagai simbolik kepada penolakan bala atau musibah ke atas pasangan pengantin.

Dapat dilihat bahawa dalam menyediakan ketupat lepas, daun pandan yang dipilih merupakan daun pandan yang memiliki struktur yang cantik dan berada dalam keadaan yang baik bagi memudahkan anyaman dilakukan. Simpulan anyaman yang dilakukan untuk menghasilkan ketupat lepas perlulah kemas dan mudah untuk dilarikan dengan hanya satu tarikan sahaja. Keadaan ini memberi simbolik kepada kemudahan pasangan pengantin dalam menjalani kehidupan sebagai pasangan suami isteri.



Foto 8 : Ketupat lepas
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)

DAUN *MENJUANG* DAN BANCUAN TEPUNG BERAS


Dalam ritual adat tepung tawar pengantin, daun *menjuang* digunakan sebagai perenjis kepada bancuan tepung beras yang telah disediakan untuk kegunaan si penepung tawar pengantin. Daun *menjuang* yang telah dibersihkan dan dipilih merupakan daun yang berada dalam keadaan yang baik dan segar. Daun *menjuang* ini digunakan sebagai simbolik kepada keutuhan dalam ikatan kekeluargaan yang akan memberikan sepenuh sokongan sosial dan emosi kepada pasangan pengantin yang akan menjalani kehidupan sebagai suami isteri.

Selain itu, masyarakat Melayu Sarawak percaya bahawa penggunaan daun *menjuang* di dalam ritual adat tepung tawar pengantin berupaya untuk mengusir semangat jahat yang boleh mengganggu pasangan pengantin. Justeru itu, pengamalan penggunaan daun *menjuang* sebagai perenjis adalah dititikberatkan dan dianggap sebagai usaha ahli keluarga dan si penepung tawar pengantin untuk melindungi pasangan pengantin yang sedang diraikan. Penggunaan daun *menjuang* di dalam ritual adat tepung tawar pengantin juga dianggap sebagai tangkal yang boleh digunakan untuk melindungi diri dan pasangan pengantin daripada hasutan syaitan serta iblis yang mampu merosakkan hubungan suami isteri. Perkara itu dijelaskan oleh Mohamad Maulana Magiman & Maizira Abdul Majid (2014), yang menjelaskan setiap atau ritual yang dijalankan adalah untuk membantu menyelesaikan permasalahan yang berkaitan

dengan kuasa ghaib. Keadaan ini secara tidak langsung menjadikan daun *menjuang* sebagai objek penolak bala sehingga menimbulkan rasa selamat kepada mereka.



Foto 9 : Ketupat lepas
(Sumber: Kajian Lapangan, 2018)



Rajah 2: Proses dan Makna Ritual Adat Tepung Tawar Pengantin. Sumber: Kajian Lapangan, 2018

KESIMPULAN

Melalui pemerhatian dan dapatan kajian, didapati bahawa ritual adat tepung tawar pengantin yang diamalkan oleh masyarakat Melayu Sarawak memiliki nilai-nilainya yang tersendiri dan secara tidak sedar merupakan tunjang kepada pandang dunia mereka yang akhirnya bertindak

sebagai satu peraturan sosial dalam masyarakat tersebut seperti lambang kewahan, keturunan, restu, kesuburan, dan kebahagiaan serta kesejahteraan dalam perkahwinan yang dibina oleh pasangan yang diraikan (pengantin). Nilai-nilai yang dipegang oleh sesuatu masyarakat yang terhasil daripada unsur motif dan kepercayaan telah berperanan penting sebagai agen yang akan mengatur, mengawal dan seterusnya mengorganisasikan sesuatu masyarakat selagi mana masyarakat tersebut mengamalkannya.

RUJUKAN

- Abbas Mohd. Shariff (2001), *Budaya Dan Falsafah Orang Melayu*. Singapura : Edn Media
- Abdul Rahman Ahmad, Abdul Munir Ismail (2013), *Analisis Bentuk Didikan Ibu Bapa Bagi Membentuk Sahsiah Cemerlang: Kajian Di Sekolah Menengah Kebangsaan Pulau Sebang, Alor Gajah, Melaka*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. *Jurnal Perspektif* , 8(2), 1–10.
- Boudewijnse, B. (1998). *British Roots Of The Concept Of Ritual*. Dalam Arie Molendijk & Peter Pels (Ed.), *Religion In The Making: The Emergence Of The Sciences Of Religion*, 277-296. Leiden: Brill
- Faridah (2016). *Sintaksis Bahasa Melayu*, Kuala Lumpur : Sasbadi Sdn. Bhd
- Faridah Sahari (2009). *Menyingkap Keunikan Adat Tepung Tawar Masyarakat Melayu Di Saratok, Sarawak*. Prosiding Persidangan Seni Kebangsaan 2009, 24-25 Julai 2009, Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah.
- Hamidah. (2013). *Nilai-Nilai Moral Dalam Adat Perkawinan Melayu Kecamatan Bahorok Kabupaten Langkat Propinsi Sumatera Utara*. *Tazkir*, 9(1): 75-87.
- Hamidah Abdul Wahab, *Petua Dan Pantang Larang Dalam Alam Melayu Sarawak* Publication: *International Journal Of The Malay World And Civilisation*, V1 N1 (2013): 89-97.
- Henslin, J. M. (2005). *Sociology: A Down To Earth Approach*. London: Pearson
- Marzuki Abu Bakar (2011), *Syariat Islam Di Aceh: Sebuah Model Kerukunan Dan Kebebasan Beragama*, Fakultas Syariah Uin Ar-Raniry Banda Aceh, *Journal Media Syariah*, Vol Xiii No. 1 Januari-Juni 2011 (P. 99-107)
- Mohamad Maulana Magiman, Rahimah Jamaluddin, Ahmad Nasir Mohd Yusoff, Fatin Hana Naning, Lee Feng Koo & Tze Jin Wong. (2020). *Cultural heritage of Vaie community: Engulfed cultural heritage of minor ethnic groups by other larger ethnic groups*. *Opción*, Año 36, Especial No.26, 1940-1963
- Mohamad Maulana Magiman, Hazizy Hanis, Mangai Tugau, Ahmad Nasir Mohd Yusoff & Hazlina Abdul Halim. (2020). *The Symbols Rituals of Salako Community in Sarawak.*, *Opción*, Año 36, Especial No.26, 3005-3023
- Mohamad Maulana Magiman & Norhuda Salleh. (2017). *Identiti Bidayuh Sarawak Dalam Tarian Langgie Pingadap*. *Borneo Research Journal*. Vol. 9, Issue 1, 46-59.
- Mohamad Maulana Magiman & Maizira Abdul Majid. 2014. *Kehidupan dan Budaya padi Kadayan, Sarawak*. *Manusia dan Masyarakat*, 25, 1-32
- Mohamad Maulana Magiman & Othman Yatim. (2012) *Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak*. *Jurnal Melayu*. Vol 9, 259-287
- Mohamad Maulana Magiman. (2011). *Ritual Makan Tahun Tradisi Masyarakat Kadayan, Sarawak*. *Manusia dan Masyarakat*, 20, 259-287
- Norhuda Salleh (2017) *Ritual Dan Simbol Dalam Adat Perkahwinan Masyarakat Melayu Sekinchan, Selangor*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya Tesis Phd.
- Norhuda Salleh(2018) *Komunikasi Bukan Lisan: Simbol Sebagai Medium Pemakluman Dalam Adat Persandingan Masyarakat Melayu*, *Jurnal Komunikasi Borneo*: Vol.6(Edisi Khas Konvokesyen UMS ke-20)

- Omar A. H. (2014). Pantang Larang Dalam Kalangan Orang Melayu : Analisis Dari Perspektif Teori Sp4k. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 7(1), 76-97. 2017, di akses dari [Http://Jurnalmelayu.Dbp.My/Wordpress/?P=181](http://Jurnalmelayu.Dbp.My/Wordpress/?P=181)
- Omar Yusoff, Noriah Mohamed, Abdul Jalil Ramli & Zainab Ahmad (2013). Pemikiran dan Falsafah Adat Resam Perkahwinan Jawi Peranakan Pulau Pinang. *Journal of Human Development and Communication, Volume 2(141-159)*
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Bentong: Pts Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Takari, M. Zaidan B.S, Fadlin, M.D(2014). Adat Perkahwinan Melayu: Gagasan, Terapan, Fungsi dan Kearifannya, Medan. USU Press Art Design, Publishing & Printing
- Tenas Effendy (2013). Kearifan Pemikir Melayu. Riau: Tenas Effendy Foundation